

**TEKS UCAPAN  
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

**KNOWLEDGE SHARING PROGRAMME  
THE SPECTRUM: OPTIMIZING ORGANIZATION, PEOPLE,  
RESOURCES, AND TECHNOLOGY**

اوپنیورسیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELAKA

**Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK)**

Terima kasih pengacara majlis  
Bismillahirahmanirahim

### **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

- 
1. Alhamdulillah, mari kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapat kita semua bertemu pada petang ini dalam **Knowledge Session Programme – The Spectrum: Optimizing Organization, People, Resources and Technology** anjuran FTMK.

## **Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian**

2. UTeM adalah universiti MTUN yang memberikan pengalaman pembelajaran secara praktikal bagi semua subjek. Pelajar didedahkan dengan teori dan amali sejak minggu pertama pengkuliahuan. Oleh sebab itu, program-program di UTeM, terutamanya dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, dan Pengurusan Teknologi, telah menjadi pilihan utama pelajar.

3. Untuk makluman Yang Berbahagian Dato' dan hadirin-hadirat sekalian, pada tahun lepas, kemasukan pelajar di UTeM telah melebihi sasaran 100%, di mana unjuran bagi program Sarjana Muda di FTMK telah dinaikkan dari 420 pelajar

kepada 656 pelajar. Kenaikan ini adalah sebanyak 156.18% berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, pelajar-pelajar di FTMK tidak perlu risau mengenai peluang pekerjaan. Dengan latihan praktikal, pendekatan industri, persijilan profesional, dan pihak pengurusan tertinggi universiti yang sentiasa memastikan kualiti akademik dan pengalaman pembelajaran di UTeM dan FTMK sentiasa terkehadapan, kebolehpasaran graduan FTMK mencapai 97%. Oleh itu, memilih UTeM, khususnya FTMK, adalah pilihan tepat dan terbaik bagi pelajar-pelajar kita.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA


4. Untuk makluman bersama juga ramai pelajar, terutamanya pelajar FTMK, mendapat pekerjaan semasa latihan industri.

Malah, ada yang menerima elauan latihan industri sebanyak RM 3,800.00 sebulan. Selain itu, ramai alumni UTeM, khususnya dari FTMK, telah menjadi pemain industri di peringkat nasional dan global dengan sumbangan mereka dalam projek-projek ICT berimpak tinggi serta penglibatan mereka dalam syarikat-syarikat multinasional.

### **Yang Berbahagia Dato' dan hadirin hadirat sekalian**

5. Kejayaan pengurusan projek ICT, pelbagai projek, dan pengurusan organisasi pada hari ini adalah hasil sumbangan kepakaran dan ilmu daripada pemimpin-pemimpin terdahulu. Keupayaan luar biasa mereka dalam mensinergikan pengurusan organisasi, manusia, sumber, dan teknologi telah

memastikan setiap matlamat projek tercapai dengan cemerlang, memberikan impak yang maksimum. Inilah warisan kepimpinan yang menjadikan kita lebih kuat dan berjaya hari ini!

- 
6. Oleh yang demikian, pada hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak FTMK kerana telah menjemput seorang yang sangat penting dalam merangka dan membentuk landskap pengajian tinggi negara, iaitu Yang Berbahagia Dato' Dr. Husaini bin Omar, yang merupakan Dato' Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM dan juga mantan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Tinggi. Terima kasih

Yang Berbahagia Dato' kerana sudi berkongsi pengalaman dalam program perkongsian "The Synergy Spectrum: Optimization of Organization, People, Resources, and Technology".

7. Saya yakin bahawa pengalaman yang luas YBhg Dato', yang pernah bertugas sebagai mantan Ketua Pengarah, Naib Canselor, Pengarah Penyelidikan, dan Pengkormesilan dan banyak lagi, dapat memberi manfaat kepada warga UTeM, terutamanya pelajar yang mengikuti program Pembangunan Perisian. Pengalaman yang dikongsi oleh YBhg. Dato' diharapkan dapat menjadi sumber input yang amat berguna

dan juga sebagai sumbangan dari seseorang yang amat berjasa dalam landskap pendidikan tinggi negara.

8. Sekali lagi tahniah kepada FTMK di atas penganjuran program ini.

Sekian

Wabillahi taufik walidaya wassalamu alaikum warah matullahi  
wabaraktuh.



---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA